

PRINSIP PERAKAUNAN**Kertas 2****Julai / Ogos****2026****2 ½ jam****Bahagian Maklumat Soalan****PPC 2026 - N.SEMBILAN****MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN**

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN LIMA
SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2026**

PRINSIP PERAKAUNAN**Kertas 2****2 jam 30 minit**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**ARAHAN KEPADA CALON**

1. **Bahagian maklumat soalan kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian:**
Bahagian A dan Bahagian B.
2. **Tunjukkan kerja mengira.** *Ini membantu anda mendapatkan markah.*
3. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
4. **Bahagian ruang jawapan** *hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 17 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak.

Bahagian A
[60 markah]
Jawab semua soalan

1 (a) Nyatakan klasifikasi akaun yang berikut:

- (i) Inventori alat tulis.
- (ii) Sewa belum terperoleh.

[2 markah]

(b) Dokumen berikut diperoleh daripada buku Kedai Kasut Azam.

MEMO Kedai Kasut Azam 15, Jalan Kenangan, 74100 Seremban
Tarikh : 3 April 2026
Peringatan: Pemilik mengambil dua pasang kasut yang berharga RM55 sepasang untuk kegunaan anak-anaknya.

Nyatakan akaun yang akan didebitkan dan dikreditkan.

[2 markah]

(c) Maklumat berikut menunjukkan kesilapan dalam catatan.

2026	Bayaran gaji RM3 000 dengan cek telah didebitkan dalam
Mei 3	Akaun Bank dan dikreditkan dalam Akaun Gaji.

Bagaimanakah kesilapan tersebut dibetulkan dalam Jurnal Am. (Keterangan tidak diperlukan)

[2 markah]

(d) Nyatakan dua jenis Nisbah Keberuntungan.

[2 markah]

(e) Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan Biskut Sedap Enterprise.

	RM
Sewa kedai	2 000
Bahan langsung (seunit)	2.00
Lain-lain bahan langsung (seunit)	0.50
Upah langsung (seunit)	1.00
Harga jualan (seunit)	8.00
Unit pengeluaran	1000 unit

Hitungkan Margin Caruman Seunit.

[2 markah]

- 2 Kelab Penulis Muda Negeri Sembilan ditubuhkan sejak tahun 2020 bertujuan untuk memberi perkhidmatan dan kemudahan kepada semua ahlinya. Selain menganjurkan seminar, bengkel dan pertandingan penulisan kreatif, kelab juga ada menjalankan perniagaan kafeteria yang menjual makanan dan minuman pada harga yang berpatutan untuk ahli.

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Mac 2026 adalah seperti berikut:

Kelab Penulis Muda Negeri Sembilan Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Mac 2026			
	RM		RM
Baki b/b	45 800		
Penerimaan		Pembayaran	
Yuran tahun 2025	400	Honorarium	3 600
Yuran tahun 2026	10 600	Lengkapan	2 100
Yuran tahun 2027	150	Kadar bayaran	1 450
Yuran masuk	9 000	Upah pekerja kafeteria	6 250
Derma membina dewan seminar	60 700	Akaun belum bayar - kafeteria	4 030
Jualan kafeteria	9 100	Sewa premis	11 000
Akaun belum terima - kafeteria	11 250	Baki h/b	118 570
	147 000		147 000
Baki b/b	118 570		

Maklumat tambahan:

- (i) Aset dan liabiliti adalah seperti berikut:

	1 April 2025	31 Mac 2026
	RM	RM
Yuran belum terima	600	350
Yuran belum terperoleh	800	150
Sewa premis belum bayar	1 000	2 000
Lengkapan	9 050	10 050
Inventori kafeteria	2 480	1 700
Akaun belum terima - kafeteria	2 122	-
Akaun belum bayar - kafeteria	-	1 070

- (ii) Yuran yang tidak dapat dikutip bagi tahun 2025 dianggap sebagai yuran lapuk.
- (iii) Separuh daripada yuran masuk hendaklah dianggap sebagai pendapatan modal.
- (iv) 30% daripada kadar bayaran adalah untuk kafeteria.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata mengira dana terkumpul pada 1 April 2025. [3 *markah*]
- (b) Akaun Yuran Ahli. [4 *markah*]
- (c) Akaun Perdagangan Kafeteria bagi tahun berakhir 31 Mac 2026. [6 *markah*]
- (d) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Mac 2026. [8 *markah*]
- (e) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2026. (Tunjukkan bahagian ekuiti pemilik sahaja) [4 *markah*]

- 3 Maklumat berikut telah diperoleh daripada buku Perabot Ehsan Enterprise yang menjual perabot di sekitar Seremban bagi tahun berakhir 31 Mac 2026.

	RM
Premis	250 000
Kenderaan	79 500
Perabot	5 000
Belian	68 500
Jualan	247 040
Pulangan masuk	520
Gaji	32 500
Inventori 1 April 2025	18 500
Insurans	15 600
Kadar bayaran	13 920
Akaun Belum Terima	8 700
Akaun Belum Bayar	5 670
Modal	244 410
Pinjaman (kadar faedah 6% setahun)	48 000
Angkutan masuk	500
Tunai	330
Bank	61 400
Ambilan	1 200
Susut nilai terkumpul kenderaan	6 750
Susut nilai terkumpul perabot	2 000
Peruntukan hutang ragu	450
Komisen diterima	1 850

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 31 Mac 2026 dinilai seperti berikut:

	Harga Kos RM	Harga Pasaran RM
Perabot A	3 580	4 200
Perabot B	6 580	5 900
Perabot C	5 400	8 200
Jumlah	15 560	18 300

- (ii) Insurans yang dibayar pada 1 Ogos 2025 adalah untuk tempoh setahun.
 (iii) Komisen belum terperoleh bernilai RM450.

- (iv) Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 4% atas Akaun Belum Terima.
- (v) Satu nota debit telah diterima pada 1 Februari 2026 masih belum direkodkan dalam mana-mana buku.

ASAL	NOTA DEBIT	ND0476
	Pembekal Perabot Alisha 580 Lorong Kenanga 5, Taman Kemuning, 70450 Seremban, Negeri Sembilan.	
Kepada:		Tarikh: 1 Februari 2026
Perabot Ehsan Enterprise No.258, Jalan Mawar, 70400 Seremban, Negeri Sembilan.		
Akaun tuan/puan telah didebitkan seperti berikut:		
Butiran	Jumlah (RM)	
10 unit kerusi terkurang caj RM25 seunit	250.00	
JUMLAH	250.00	
Ringgit: <u>Dua ratus lima puluh sahaja</u>		
<i>Ehsan</i> _____ (Penerima)	<i>Alisha</i> _____ (Pengurus)	

- (vi) Pinjaman bank RM60 000 telah dibuat pada 1 April 2024 dengan tempoh matangnya selama 5 tahun.
- (vii) Kenderaan RM79 500 telah termasuk van yang baharu dibeli pada 31 Mac 2026 bernilai RM12 000.
- (viii) Kenderaan disusutnilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan. Perabot disusutnilaikan pada kadar 20% setahun menggunakan kaedah garis lurus.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2026. [13 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2026. [12 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

- 4 (a) SR Keropok Hub menyediakan maklumat berikut bagi tahun berakhir 30 Jun 2026.

	1 Julai 2025 RM	30 Jun 2026 RM
Inventori:		
Bahan langsung	15 690	18 670
Barang siap	5 170	6 290
Alat-alat kecil	1 280	1 030
Gaji pekerja kilang belum bayar	2 400	3 800

Urus niaga berikut berlaku sepanjang tahun berakhir 30 Jun 2026.

	RM
Belian bahan langsung	72 800
Belian alat-alat kecil	3 240
Gaji pekerja kilang	24 500
Komisen jurujual	3 400
Insurans kilang	2 300
Kadar bayaran	11 000
Jualan	180 500
Loji dan Mesin (kos)	64 000
Susut nilai terkumpul Loji dan Mesin	19 200
Bank	87 000
Royalti	10 900

Maklumat tambahan:

- (i) Kadar bayaran diagihkan antara kilang dan pejabat mengikut nisbah 3 : 2.
- (ii) Loji dan Mesin disusutnilaikan pada kadar 15% setahun mengikut kaedah garis lurus.
- (iii) Angkutan masuk bahan langsung RM1 780 tertinggal catat.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (1) Akaun Alat-alat Kecil. [2 markah]
- (2) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2026. [8 markah]

4 (b) Berikut adalah senarai baki-baki akaun Lavendra Sdn. Bhd. bagi tahun berakhir 30 April 2026.

	RM
Perabot	65 400
Jualan	220 450
Belian (20% merupakan belian kredit)	97 800
Untung kasar	121 600
Jumlah hasil	3 580
Jumlah belanja	7 760
Inventori pada 1 Mei 2025	3 460
Inventori pada 30 April 2026	4 510
Bank	45 780
Akaun Belum Terima	8 970
Akaun Belum Bayar	4 780
Modal pada 1 Mei 2025	98 000

Maklumat tambahan:

	30 April 2025
Margin untung bersih	61.21%
Pulangan atas modal	92.45%
Nisbah ujian asid	9.50 : 1
Tempoh pembayaran hutang	85 hari

(i) **Anda dikehendaki menghitung** nisbah-nisbah berikut bagi tahun berakhir 30 April 2026:

- | | |
|------------------------------|------------|
| (1) Margin untung bersih | [2 markah] |
| (2) Pulangan atas modal | [2 markah] |
| (3) Nisbah ujian asid | [2 markah] |
| (4) Tempoh pembayaran hutang | [2 markah] |

(ii) Berdasarkan jawapan di 4(b)(i), tahun manakah menunjukkan pengurusan hutang yang lebih cekap? Berikan alasan anda. [2 markah]

- 5 (a) Yaya dan Tiya ialah pekongsi dalam Perkongsian Yaya & Tiya. Ikatan Perjanjian Perkongsian mereka telah menetapkan perkara-perkara seperti berikut:
- (i) Faedah atas modal dibayar 5% setahun.
 - (ii) Gaji tahunan pekongsi: Yaya RM3 000 dan Tiya RM4 500.
 - (iii) Untung atau rugi dibahagi mengikut nisbah 1 : 2.

Baki pada 1 Januari 2025:

	Yaya	Tiya
	RM	RM
Akaun modal	65 000	80 000
Akaun semasa	1 150 (Dt)	6 230

Maklumat yang diambil daripada buku Perkongsian Yaya & Tiya pada 31 Disember 2025.

	RM
Untung bersih	82 800
Gaji Yaya	3 000
Gaji Tiya	2 500
Kenderaan	115 000
Susut nilai terkumpul kenderaan	46 000
Bank	34 210

Maklumat tambahan:

Perkara-perkara berikut belum diambil kira semasa pengiraan untung bersih.

- Sewa prabayar RM3 500.
- Hutang lapuk RM930.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (1) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2025. [5 markah]
- (2) Akaun Semasa. [4 markah]
- (3) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2025. [2 markah]
(Tunjukkan bahagian ekuiti pemilik sahaja)

- 5 (b) Saif Trading telah menerima penyata bank bagi bulan Jun 2026 yang menunjukkan baki akhir RM3 240 (overdraf). Baki ini berbeza dengan baki yang ditunjukkan di dalam buku tunai perniagaannya pada tarikh yang sama iaitu RM1 810.

Setelah diteliti, didapati perbezaan itu disebabkan oleh perkara-perkara berikut:

- (i) Cek diterima daripada Nanda Enterprise sebanyak RM5 340 telah didepositkan pada 23 Jun 2026 tetapi belum dikreditkan oleh bank.
- (ii) Sekeping cek yang dibayar kepada Pembekal Roland berjumlah RM11 350 belum dikemukakan.
- (iii) Dividen telah dikreditkan ke dalam akaun bank Saif Trading sebanyak RM1 850.
- (iv) Cek bernilai RM2 800 kepada Sinage Maju telah didebitkan oleh bank tetapi direkodkan di sebelah debit Buku Tunai.
- (v) Bank telah membayar insurans berjumlah RM2 510 atas perintah sedia ada.
- (vi) Cek yang diterima daripada Kedai Imani bernilai RM4 800 ditanda "Rujuk Penyuruh Bayar".

Anda dikehendaki menyediakan:

- (1) Buku Tunai dikemas kini pada 30 Jun 2026. [5 markah]
- (2) Penyata Penyesuaian Bank pada 30 Jun 2026. [4 markah]

- 6 Encik Sulaiman memulakan perniagaan Kedai Sukan Sulaiman di Kuala Pilah, Negeri Sembilan pada 1 Januari 2026. Beliau membawa masuk modal yang terdiri daripada:

	RM
Tunai di tangan	1 800
Tunai di bank	16 200
Premis	60 000

Berikut adalah dokumen urus niaga sepanjang bulan Januari 2026:

ASAL	INVOIS	INV98510
Sport Enterprise No.53, Jalan Cempaka, Senawang, 70450 Seremban, Negeri Sembilan. Tel: 06-6014348		
Kepada:		Tarikh: 3 Januari 2026
Kedai Sukan Sulaiman No.836, Jalan Raja Melewar, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan.		
Bil	Butiran	Harga (RM)
1.	Kayu Hoki	100
		95
		9 500
Tolak Diskaun Niaga 10%		950
JUMLAH		8 550
Ringgit: <u>Lapan ribu lima ratus lima puluh sahaja</u> Syarat: 10% 10 hari, 5% 30 hari Serahan: Angkutan dibayar K. & K. di K.		
<u>Sulaiman</u> (Penerima)		<u>Chong</u> (Pengurus)

Dokumen 1

SALINAN	INVOIS	INV3001		
Kedai Sukan Sulaiman No.836, Jalan Raja Melewar, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Tel: 06-4261026				
Kepada:		Tarikh: 5 Januari 2026		
Kelab Jaguh FC PT742, Kampung Senama, 71300 Rembau, Negeri Sembilan.				
Bil	Butiran	Harga (RM)	Unit	Jumlah (RM)
1.	Kayu Hoki	200	35	7 000
				7 000
Tolak Diskaun Niaga 5%				350
JUMLAH				6 650
Ringgit: <u>Enam ribu enam ratus lima puluh sahaja</u>				
Syarat: 5% 7 hari, 2% 15 hari				
Serahan: Angkutan dibayar				
K. & K. di K.				
<u>Johari</u> (Penerima)		<u>Sulaiman</u> (Pengurus)		

Dokumen 2

MEMO
Kedai Sukan Sulaiman No.836, Jalan Raja Melewar, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Tel: 06-4261026
Tarikh: 8 Januari 2026
Pemilik membawa masuk komputer peribadi bernilai RM2 500 untuk kegunaan perniagaan.
<u>Sulaiman</u> (Pengurus)

Dokumen 3

Tarikh: 10 Januari 2026

Penerima: Sport Enterprise

Kerana: Menjelaskan sepenuhnya INV98510

Baki akhir	16 200	00
Deposit	-	
Jumlah	16 200	00
Cek ini	7 695	00
Baki	8 505	00

MBB 057361

Dokumen 4

ASAL

INVOIS

INV56310

Bina Raga Sport

No.PT22754, Jalan Kolej

71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan.

H/P: 012-6098764

Kepada:

Tarikh: 13 Januari 2026

Kedai Sukan Sulaiman

No.836, Jalan Raja Melewar,

72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Bil	Butiran	Harga (RM)	Unit	Jumlah (RM)
1.	Kayu Hoki	80	50	4 000
2.	Raket Tennis	200	50	10 000
				14 000
Tolak Diskaun Niaga 10%				1 400
JUMLAH				12 600

Ringgit: Dua belas ribu enam ratus sahaja

Syarat: 10% 14 hari, 5% 30 hari

Serahan: Angkutan dibayar

K. & K. di K.

Sulaiman

(Penerima)

Mubiah

(Pengurus)

Dokumen 5

ASAL	NOTA KREDIT	NK14/1322																				
Bina Raga Sport No.PT22754, Jalan Kolej 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan. H/P: 012-6098764																						
Kepada: Kedai Sukan Sulaiman No.836, Jalan Raja Melewar, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan.	Tarikh: 16 Januari 2026																					
Akaun tuan/puan telah dikreditkan seperti berikut:																						
<table><thead><tr><th>Bil</th><th>Butiran</th><th>Harga (RM)</th><th>Unit</th><th>Jumlah (RM)</th></tr></thead><tbody><tr><td>1.</td><td>Raket Tennis</td><td>200</td><td>2</td><td>400</td></tr><tr><td colspan="4">Tolak Diskaun Niaga 10%</td><td>40</td></tr><tr><td colspan="4">JUMLAH</td><td>360</td></tr></tbody></table>	Bil	Butiran	Harga (RM)	Unit	Jumlah (RM)	1.	Raket Tennis	200	2	400	Tolak Diskaun Niaga 10%				40	JUMLAH				360		
Bil	Butiran	Harga (RM)	Unit	Jumlah (RM)																		
1.	Raket Tennis	200	2	400																		
Tolak Diskaun Niaga 10%				40																		
JUMLAH				360																		
Ringgit: <u>Tiga ratus enam puluh sahaja</u>																						
<u>Sulaiman</u> (Penerima)	<u>Mubikah</u> (Pengurus)																					

Dokumen 6

SALINAN	BIL TUNAI	BT0001																				
Kedai Sukan Sulaiman No.836, Jalan Raja Melewar, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Tel: 06-4261026																						
Kepada: Kelab Sentosa No.2589, Taman Sentosa, 73400 Tampin, Negeri Sembilan.	Tarikh: 19 Januari 2026																					
<table><thead><tr><th>Bil</th><th>Butiran</th><th>Harga (RM)</th><th>Unit</th><th>Jumlah (RM)</th></tr></thead><tbody><tr><td>1.</td><td>Kayu Hoki</td><td>200</td><td>20</td><td>4 000</td></tr><tr><td>2.</td><td>Raket Tennis</td><td>300</td><td>15</td><td>4 500</td></tr><tr><td colspan="4">JUMLAH</td><td>8 500</td></tr></tbody></table>	Bil	Butiran	Harga (RM)	Unit	Jumlah (RM)	1.	Kayu Hoki	200	20	4 000	2.	Raket Tennis	300	15	4 500	JUMLAH				8 500		
Bil	Butiran	Harga (RM)	Unit	Jumlah (RM)																		
1.	Kayu Hoki	200	20	4 000																		
2.	Raket Tennis	300	15	4 500																		
JUMLAH				8 500																		
Ringgit: <u>Lapan ribu lima ratus sahaja</u>																						
Tunai/No. Cek:																						
<u>Sulaiman</u> (Pengurus)																						

Dokumen 7

ASAL	BIL TUNAI	BT5643		
Kedai Sukan Ehsan No.28, Jalan Ara 1, Bandar IOI, 72100 Bahau, Negeri Sembilan. Tel: 06-4665711				
Kepada: Kedai Sukan Sulaiman No.836, Jalan Raja Melewar, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan.		Tarikh: 20 Januari 2026		
Bil	Butiran	Harga (RM)	Unit	Jumlah (RM)
1.	Bola Sepak	100	50	5 000
JUMLAH				5 000
Ringgit: <u>Lima ribu sahaja</u>				
Tunai/No. Cek: MBB057362				
<i>Mazlan</i> _____ (Pengurus)				

Dokumen 8

MAYBANK		
Malayan Banking Berhad (3813-k)		
REKOD URUSAN		: DEPOSIT
JUMLAH	TARIKH	MASA
9,200.00	22 Januari 2026	3.00 pm
DARI	KEPADA	TEMPAT
	OTHER A/C	Kuala Pilah
NOMBOR AKAUN = 158088198698		
RM2	= RM5	RM10
RM20	= RM50	= 14 RM100 =85
SILA SIMPAN PENYATA UNTUK REKOD ANDA TERIMA KASIH KERANA BERURUSAN DENGAN KAMI RETAIN STATEMENT FOR YOUR RECORD THANK YOU FOR BANKING WITH US		

Dokumen 9

SALINAN

BIL TUNAI

BT0002

Kedai Sukan Sulaiman

No.836, Jalan Raja Melewar,
72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
Tel: 06-4261026

Kepada:

Kelab Taman Muhibbah
No.5367, Jalan Muhibbah,
73400 Gemas, Negeri Sembilan.

Tarikh: 25 Januari 2026

Bil	Butiran	Harga (RM)	Unit	Jumlah (RM)
1.	Kayu Hoki	200	13	2 600
2.	Bola Sepak	180	15	2 700
3.	Raket Tennis	300	10	3 000
JUMLAH				8 300

Ringgit: Lapan ribu tiga ratus sahaja

Tunai/No. Cek: CIMB789645

Sulaiman

(Pengurus)

Dokumen 10

BAUCER PEMBAYARAN

BP0121

Kedai Sukan Sulaiman

No.836, Jalan Raja Melewar,
72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
Tel: 06-4261026

Kepada:

Tenaga Nasional Berhad

Tarikh: 28 Januari 2026

Keterangan	Jumlah (RM)
Bayaran bil elektrik	450

Ringgit: Empat ratus lima puluh sahaja

Tunai/No. Cek:

Thomas

(Penerima)

Sulaiman

(Pengurus)

Dokumen 11

RESIT RASMI		SALINAN
Kedai Sukan Sulaiman No.836, Jalan Raja Melewar, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Tel: 06-4261026		RR0121 Tarikh: 31 Januari 2026
Diterima daripada:	<i>Kelab Jaguh FC</i>	
Sebanyak:	<i>Enam ribu enam ratus lima puluh sahaja</i>	
Untuk bayaran:	<i>Menjelaskan invoice bertarikh 5 Januari 2026</i>	
RM6 650.00		
Tunai/No. Cek: RHB786563		
		<i>Sulaiman</i> (Pengurus)

Dokumen 12

Berdasarkan dokumen urus niaga di atas. **Anda dikehendaki menyediakan:**

- | | | |
|-----|---|------------|
| (a) | Jurnal Am (Keterangan tidak diperlukan) | [4 markah] |
| (b) | Jurnal Belian | [3 markah] |
| (c) | Jurnal Jualan | [2 markah] |
| (d) | Jurnal Pulangan Belian | [2 markah] |
| (e) | Buku Tunai | [9 markah] |

KERTAS SOALAN TAMAT